**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **JAWAB BUKAN LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **YB. Datuk Wee Jeck Seng**<br>**[ Tanjong Piai ]** |
| **NO. SOALAN** | **:** | **128** |

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian akan meneruskan projek pembinaan jalan perhubung desa yang telah lama dicadangkan melalui Pejabat Daerah Pontian kepada JKR tempatan supaya jalan-jalan tersebut didaftarkan di bawah MARRIS untuk dilaksanakan oleh pihak JKR sejak tahun 1997.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek Jalan Perhubungan Desa secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan berdasarkan bajet yang diluluskan. Setiap permohonan yang dibuat akan disiasat terlebih dahulu oleh agensi pelaksana seperti JKR Daerah bagi menentukan skop, spesifikasi dan anggaran kos.

Kementerian memohon kerjasama Yang Berhormat untuk mengemukakan maklumat lengkap mengenai permohonan jalan perhubungan desa yang dimaksudkan bagi membolehkan Kementerian membuat semakan dan mempertimbangkan permohonan tersebut.